

RABU, 28 OKTOBER, 1981

Dari BSN kembali ke BPR

RASUAH adalah ranjau durjana di tengah usaha membangun negara dan mewujudkan masyarakat yang bersih, cekap dan berdisiplin. Seperti kuman di dalam tubuh, ia memusnahkan sendi-sendi pentadbiran, merosakkan moral dan mengkhianati aspirasi negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, membahagikannya kepada dua peringkat — di bawah meja dan di atas. Yang pertama dilakukan secara bersulit-sulit, dengan masyarakat masih memandangnya sebagai perbuatan yang hina. Yang kedua dilakukan secara terang-terangan dan melibatkan segenap lapisan pentadbiran. Mujurlah, seperti kata Perdana Menteri, negara ini masih menghadapi masalah rasuah peringkat pertama itu, dan dengan demikian perkembangannya masih boleh dicegah, kalau pun tidak dikikis langsung.

Usaha mencegah rasuah memang telah berjalan lama di negara ini, sejak sebelum merdeka lagi. Dalam tahun 1950 sebuah Ordinan Mencegah Rasuah telah diwujudkan. Kerana peruntukan di dalamnya didapati tidak mencukupi, dalam tahun 1961 Parlimen telah meluluskan Akta Pencegah Rasuah. Langkah-langkah inilah yang jelas berjaya menghalangnya dari merebak ke peringkatnya yang kedua dan lebih tenat itu. Tetapi di bawah Kerajaan pimpinan Dr. Mahathir nampaknya usaha itu lebih diperhebat lagi. Satu daripada langkah permulaannya ialah mensyaratkan semua pegawai Kerajaan, termasuk para Menteri, mengisytiharkan harta masing-masing. Ini berguna untuk membolehkan pihak berkuasa menilai harta mereka sebenar pada sesuatu masa, dan dengan demikian dapat membuat kesimpulan sama ada pegawai berkenaan hidup lebih mewah dari keupayaan sebenarnya atau tidak. Walaupun orang masih boleh terlepas dari jaring penyiasatan dan hukuman, tetapi sekurang-kurangnya kesedaran bahawa mereka sentiasa diawasi akan menghalang amalan rasuah yang berleluasa.

Selain itu, jentera pencegahan itu sendiri — BSN — akan diperkemas. Dr. Mahathir berkata BSN akan ditukar kepada nama asalnya — Badan Pencegah Rasuah (BPR) — tidak lama lagi. BPR diwujudkan dalam tahun 1967 dengan fungsi khusus membenteras rasuah. Ia ditukar kepada BSN dalam tahun 1973 dengan alasan, antara lainnya, bahawa nama BPR itu menggambarkan seolah-olah amalan rasuah telah begitu menular di negara ini. Tetapi pada hakikatnya pertukaran itu bukan setakat namanya saja, malah fungsinya, menjadikannya hampir seperti FBI di Amerika Syarikat dengan bidang tugas yang luas. Seperti dibayangkan oleh Dr. Mahathir, apabila BSN bertukar semula menjadi BPR nanti, fungsinya juga akan bertukar seperti asal.

Tetapi nyatalah Kerajaan kini tidak bergantung kepada langkah-langkah pentadbiran serta undang-undang semata-mata. Dr. Mahathir berkata negara ini mempunyai bilangan ahli-ahli politik, pegawai Kerajaan dan polis yang jujur serta berdedikasi yang cukup raxxPuntuk membantu Kerajaan mencegah rasuah. Ertinya beliau lebih bergantung kepada kesedaran dan tindakan rohaniah. Jika kesedaran rohaniah itu dapat disemaikan lebih menyeluruh, kemungkinannya ialah berkurangnya bilangan mereka yang bersedia mengamalkan "perbuatan yang hina" itu. Mereka ini pula, selanjutnya, tentulah akan membantu Kerajaan menyiasat serta mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang masih rasuah. Ini menjadikan pencegahan itu lebih lengkap dan tahan uji.